



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

KURSUS	:	MATEMATIK PERNIAGAAN
KOD KURSUS	:	MAT1023
PEPERIKSAAN	:	APRIL 2015
MASA	:	2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian:
BAHAGIAN A (40 Markah)
BAHAGIAN B (30 Markah)

2. Jawab **SEMUA** soalan dari BAHAGIAN A dan BAHAGIAN B di dalam Buku Jawapan. Mula menjawab setiap jawapan di mukasurat baru.

3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan. Penggunaan kalkulator saintifik adalah dibenarkan bagi sesi peperiksaan ini.

4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan
 - iii. Jadual Formula

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 7 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi ENAM (6) soalan. Jawab SEMUA soalan di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Cari sebutan ke-10 dan hasil tambah 15 sebutan pertama bagi jangjang geometri berikut:

a) 20, 30, 45...

(5 markah)

b) 2, 5, 12.5

(5 markah)

SOALAN 2

Pada 3 Julai 2014, Encik Ali meminjam RM 10,000 daripada sebuah syarikat kewangan untuk membeli sebuah jentera. Jika dia dikenakan bunga ringkas pada kadar 7 peratus, berapakah jumlah yang mesti dibayar pada 15 Februari 2015, sekiranya syarikat tersebut mengira bunga ringkas mengikut Aturan Bank.

(5 markah)

SOALAN 3

Aida mempunyai wang sebanyak RM 5,000 dan ingin menyimpannya dalam akaun simpanan selama 7 tahun. Aida bercadang untuk menyimpannya sama ada di Bank A atau di Bank B. Kedua-dua bank tersebut masing-masing menawarkan faedah pada kadar 7 peratus digandakan pada setiap suku tahun dan 9 peratus digandakan dua kali setahun. Bank manakah yang akan menjadi pilihan Aida dan berapakah perbezaan faedah yang Aida terima antara dua bank tersebut?

(6 markah)

SOALAN 4

Bank ATOS menawarkan 5% kadar bunga yang digandakan setiap bulan. En. Azraei ingin membuat simpanan dan berhasrat untuk membayar RM300 tetap untuk setiap bulan selama 10 tahun. Kirakan jumlah simpanan yang dibuat oleh En. Azraei pada akhir tahun ke 10.

(3 markah)

SOALAN 5

Syarikat Syasha merupakan pengedar barangan bakeri kepada peniaga-peniaga di sekitar Desaru. Pada 15 Februari 2015, Cik. Siti seorang peniaga telah membeli beberapa barangan secara pukal daripada Syarikat Syasha. Jumlah keseluruhan barangan yang dibeli ialah RM20,000 dan dia telah ditawarkan diskaun dagangan sebanyak 20%, 15% dan 10%. Kirakan:

a) Diskaun tunggal

(3 markah)

b) Harga bersih

(3 markah)

c) Jumlah diskaun dagangan

(2 markah)

SOALAN 6

Harga tunai bagi sebuah telefon pintar berjenama "Yo" ialah RM1050. Jika ia dibeli secara ansuran, 20 % bayaran pendahuluan dikenakan dan baki hendaklah dijelaskan secara ansuran selama 24 bulan. Kadar faedah yang dikenakan adalah sebanyak 8% ke atas baki asal. Kira :

a) Jumlah faedah dikenakan

(3 markah)

b) Harga ansuran

(2 markah)

c) Ansuran bulanan

(3 markah)

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi TIGA (3) soalan. Jawab SEMUA soalan di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Pada 20 Mac 2014, Norle menerima satu nota janji daripada Faizah bernilai RM 100,000. Tempoh masa nota tersebut adalah 6 bulan dengan bunga ringkas pada kadar 10 peratus setahun. Jika beliau mendiskaunkan nota tersebut pada 25 Mei 2014 dengan kadar diskaun 8.8 peratus, tentukan :

- | | |
|-------------------|------------|
| a) Pembuat nota | (1 markah) |
| b) Penerima nota | (1 markah) |
| c) Tarikh matang | (2 markah) |
| d) Nilai matang | (2 markah) |
| e) Tempoh diskaun | (2 markah) |
| f) Hasil diterima | (2 markah) |

SOALAN 2

Pada 22 Mei 2014, Badrul meminjam sejumlah RM 20,000 daripada sebuah bank yang mengenakan bunga ringkas pada kadar 10 peratus. Badrul bercadang membayar semua wang pinjaman tersebut pada 20 Oktober 2014. Berapakah jumlah bayaran pada tarikh tersebut mengikut :

- a) Bunga ringkas biasa? (2 $\frac{1}{2}$ markah)
- b) Bunga ringkas tepat? (2 $\frac{1}{2}$ markah)
- c) Aturan bank ? (2 $\frac{1}{2}$ markah)
- d) Bunga ringkas tepat mengikut masa anggaran. (2 $\frac{1}{2}$ markah)

SOALAN 3

Hilman membeli sebuah komputer dengan harga RM 2,000 melalui bayaran ansuran. Beliau membayar RM 500 sebagai bayaran pendahuluan dan bakinya dibayar melalui 36 kali bayaran bulanan. Jika kadar yang dikenakan ialah 10% setahun berdasarkan baki asal, tentukan :

- a) Jumlah faedah (2 markah)
- b) Ansuran bulanan (3 markah)
- c) Baki prinsipal yang perlu dibayar jika Hilman berhasrat melangsaikan baki tersebut dengan segera selepas membuat bayaran ke-10 menggunakan *Rule of 78*. (5 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT

JADUAL FORMULA

TOPIK	FORMULA
1. Janjang	Janjang Aritmetik $T_n = a + (n - 1)d$ $S_n = \frac{n}{2}[2a + (n - 1)d]$
	Janjang Geometri $T_n = ar^{n-1}$ $S_n = \frac{a(r^n - 1)}{r - 1} \quad r > 1$
2. Bunga ringkas	$S = P(1 + rt)$
3. Nota janji	$H = S(1 - dt)$
4. Bunga berganda	$A = P(1 + i)^n$
5. Anuiti	$S = \frac{R[(1 + i)^n - 1]}{i}$
6. Bayaran Ansuran	<i>Rule of 78:</i> $B = RN - I \left[\frac{N(N + 1)}{n(n + 1)} \right]$
7. Diskaun Perdagangan & Diskaun Tunai	Diskaun Perdagangan $NP = LP - D$
	Diskaun Tunai $Pembayaran = NP - D_c$